

**Nota penting**

Polisi ini mungkin melayakkan anda untuk mendapat pelepasan cukai peribadi tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Anda perlu memahami pelan ini dengan teliti untuk memastikan keperluan anda dapat dipenuhi dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah Polisi ini bersesuaian dengan kemampuan anda.

Jika Orang yang Diinsuranskan, ketika siuman atau tidak siuman, membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Polisi dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula, kami akan membayar balik premium yang telah dibayar tanpa sebarang faedah.

Pemegang Polisi akan diberi tempoh tangguh selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir bayaran premium untuk membuat bayaran selanjutnya.

Polisi ini tidak mempunyai nilai tunai terjamin yang minimum sekiranya anda menamatkan polisi melainkan anda telah membayar premium sepenuhnya selama tiga (3) tahun.

Pada tarikh penamatan, matang dan tamat tempoh Polisi, segala manfaat di bawah pelan ini akan luput. Jika anda menamatkan Polisi ini pada tahun-tahun awal, anda mungkin akan mendapat kembali amaun yang kurang daripada jumlah yang telah anda bayar.

Anda mempunyai hak untuk mengembalikan Polisi ini bersama dengan arahan bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Polisi diterima oleh anda, atas apa jua sebab. Jika dikembalikan, Polisi ini akan dianggap terbatal dari permulaan dan apa-apa Premium yang telah dibayar akan dibayar balik kepada anda, tolak sebarang kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung.

Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh lima belas (15) hari, Polisi ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada kami pada tarikh kami menerima Polisi ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika Polisi ini dihantar kepada kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika Polisi ini dihantar secara elektronik.

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

Sila pastikan anda merujuk kepada Ilustrasi Jualan berkaitan dengan Polisi anda yang disediakan oleh Etiqa.

Risalah ini bertujuan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak.

Etiqa Life Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

01/18/EVE

**Aspire**

# Pelan Pendidikan Yang Menyokong Aspirasi Anak Anda.




**Etiqa Life Insurance Berhad** (1239279-P)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013  
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)  
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Ahli Kumpulan 

**eTiqa**  
Insurans

## Berikan Anak Anda Jaminan Masa Depan Yang Terancang

Pilihan pendidikan yang telah anda aturkan untuk anak anda hari ini mungkin tidak lagi bermanfaat dengan keperluan masa depan mereka nanti. Ini kerana kos pendidikan dan kos kehidupan kita kian hari semakin meningkat. Pelan Aspire membantu anda merancang perbelanjaan pendidikan anak anda dengan lebih awal. Ia memberikan ketenangan minda supaya anda lebih fokus merancang perkara yang lebih penting iaitu masa depan mereka agar lebih cerah dengan aturan yang telah anda usahakan.

### Mulakan Perancangan Pendidikan Anak Anda Dengan Aspire

Aspire merupakan sebuah pelan yang membantu anda menyimpan wang bagi pendidikan tinggi anak anda dan ia juga memberikan perlindungan dengan manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh Kekal (HUMK).

Pelan ini amat bersesuaian untuk bayi yang berusia 14 hari dan juga kanak-kanak yang berusia 10 tahun pada tarikh lahir akan datang mereka. Ini membolehkan mereka menikmati manfaat maksimum menerusi pelan ini.

### Jaminan Kepastian Seandainya Anda Berada Dalam Keraguan

Aspire menyediakan sokongan yang anda perlukan untuk mengurus kos pendidikan anak anda kelak hari. Simpanan biasa mungkin cukup dan mungkin juga tidak mencukupi semasa anak anda menyambung pendidikan yang lebih tinggi. Kerana itu Aspire direka untuk memastikan anda memiliki simpanan yang mencukupi pada masa ianya diperlukan untuk membolehkan cita-cita dan aspirasi mereka tercapai.



## Ciri-ciri pelan

### Bayaran Tunai Interim Dijamin

Dibayar pada penghujung tiga (3) tahun terakhir polis sebelum tempoh matang. Anda layak untuk menerima bayaran tunai sebanyak 30%, 30% dan 40% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan.

Sekiranya anda memilih untuk mengumpul sebarang Bayaran Tunai Interim Yang Dijamin, Aspire akan membayar jumlah terkumpul tersebut bersama sebarang kadar faedah apabila tempoh sijil matang.

Apabila tempoh sijil matang anda akan menerima:

- 50% daripada asas Jumlah Asas yang Diinsuranskan**
- + Bonus Berbalik Terkumpul**
- + Bonus Terminal (jika ada, berdasarkan prestasi pelaburan Etiqa)**
- + Bayaran Tunai Interim Terkumpul (jika ada)**

### Anugerah Kecemerlangan Akademik

Beri galakan kepada anak anda agar sentiasa mendapat gred cemerlang dalam peperiksaan utama.

Keputusan	Ganjaran tunai (RM)
<b>UPSR (5A dan ke atas)</b>	RM500
<b>PMR (Semua A)</b>	RM750
<b>SPM (8A dan ke atas)</b>	RM1,500
<b>STPM (5 A Prinsipal)</b>	RM2,000

Nota:

1. Polisi mestilah berkuatkuasa untuk sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum anak anda menduduki peperiksaan.
2. Manfaat di atas diperuntukkan atas dasar sekali seumur hidup.
3. Jumlah Gred A dikira berdasarkan subjek teras sahaja (Gred A dan A+ sahaja).
4. Manfaat di atas tertakluk kepada sebarang perubahan menurut Struktur Sukanan Peperiksaan Malaysia.
5. Etiqa Life Insurance Berhad berhak untuk meminda terma dan syarat manfaat pada masa akan datang.

### Pilihan Rider Dan Manfaat Tambahan

Melengkapkan keperluan perlindungan anak anda.

Untuk Orang Yang Diinsuranskan:

Manfaat tambahan	Penjelasan
<b>Rider Ultra Medic</b>	Menyediakan Manfaat perubatan sekiranya dimasukkan ke hospital dan manfaat pesakit luar disebabkan penyakit atau kecederaan akibat kemalangan.
<b>Rider Kemalangan Diri</b>	Menyediakan Jumlah Diinsuranskan tambahan sekiranya kematian atau ketidakupayaan berlaku akibat kemalangan.
<b>Rider Penyakit Kritikal Premier</b>	Menyediakan bayaran jumlah Diinsuranskan apabila didiagnosa mengalami mana-mana satu daripada 36 Penyakit Kritikal yang dilindungi.
<b>Rider Manfaat Tunai Hospital</b>	Menyediakan manfaat pendapatan harian sekiranya dimasukkan ke hospital.

Untuk Pembayar/Pemilik Polisi:

Manfaat Tambahan	Penjelasan
<b>Rider Pengecualian Pembayar ke atas Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh &amp; Kekal, Penyakit Kritikal</b>	Menyediakan bayaran untuk premium yang akan datang di bawah polis asas sekiranya Pembayar meninggal dunia, atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) atau didiagnosa mengalami mana-mana satu daripada 35 penyakit kritikal yang dilindungi.
<b>Manfaat Penjagaan Anak</b>	Menyediakan pendapatan bulanan sekiranya pembayar meninggal dunia atau mengalami HUMK.
<b>Rider Bertempoh bagi Pembayar</b>	Menyediakan bayaran jumlah Diinsuranskan Sekiranya Pembayar meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

## Kelayakan

**Nilai Yang Anda Letakkan, Untuk Pendidikan Yang Tidak Ternilai**  
Aspire memberikan anda pilihan yang fleksibel berdasarkan kedudukan kewangan anda serta keperluan masa depan anak anda.

<b>Jumlah Minimum yang Diinsuranskan</b>	RM12,500 Anda boleh menambahkan nilai secara berganda sebanyak RM500, tertakluk kepada garis panduan penajaminan.
<b>Jumlah Maksimum yang Diinsuranskan</b>	RM400,000
<b>Terma Minimum</b>	11 tahun
<b>Terma Maksimum</b>	20 tahun
<b>Umur minimum penyertaan</b>	14 hari
<b>Umur penyertaan maksimum*</b>	10 tahun
<b>Umur matang*</b>	21 tahun

\*Umur Hari Lahir Akan Datang